

22/01/1999

MCA mahu bertanding

KUALA LUMPUR, Khamis - MCA berhasrat bertanding dalam pilihan raya di Sabah atas dasar parti itu juga mendapat sokongan kuat pengundi di negeri berkenaan, kata Setiausaha Agungnya, Datuk Dr Ting Chew Peh.

Menurutnya, daripada maklumbalas yang diterima, MCA diterima sebagai sebuah parti politik yang bertanggungjawab di negeri itu.

Beliau berkata, kini ada 20,000 ahli MCA di seluruh Sabah.

Bercakap pada sidang akhbar selepas majlis makan malam anjuran sebuah pertubuhan keagamaan di sini, malam ini, beliau berkata, hasrat MCA untuk bertanding di Sabah bukan kerana parti lain di negeri itu belum mencukupi.

"Ini bukan soal cukup, ini soal sokongan. Parti lain adalah rakan seperjuangan untuk bekerjasama bagi menjamin kemenangan.

"Di sesetengah tempat, parti A lebih popular manakala di tempat lain parti B lebih popular. Oleh itu, dengan cara bergabung, kekuatan itu lebih besar dan kuat," katanya.

Mengenai jumlah kerusi yang diharapkan oleh parti itu, beliau berkata, ia bergantung kepada Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kini MCA mempunyai seorang wakil rakyat di kawasan Api-Api.

(END)